



Aksi persembahan kumpulan dikir barat Tabuh Pendeta.

Berdakwah menerusi dikir barat



KEJAYAAN INI HASIL KOMITMEN DAN KESUNGGUHAN SETIAP AHLI DALAM MEMBERIKAN PERSEMBAHAN TERBAIK. KAMI BERSYUKUR DAN BERHARAP MAMPU MERAH KEJAYAAN LEBIH BESAR”

Mokhtarudin Ismail,
Tukang karut kumpulan Tabuh Pendeta

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

Nilai

Mendapat ulasan terbaik daripada barisan panel juri melayakkan kumpulan kesenian dikir barat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tabuh Pendeta muncul juara Anugerah Seni USIM 2015, baru-baru ini.

Anugerah bersempena dengan Festival Seni USIM 2015 itu melayakkan kumpulan itu membawa pulang trofi emas utama, wang tunai RM1,000, hamper, sijil dan trofi iringan.

Tampil dengan persembahan bertema 'Dakwah Dalam Seni', Tabuh Pendeta berjaya menonjolkan keunikan dari segi penyampaian dan aksi dikir barat yang

menarik.

Persembahan mereka juga sarat dengan mesej ketuhanan yang mendalam, selain sejarah perjuangan dakwah Rasulullah SAW menerusi lirik lagu dan bait-bait 'karutan' mereka.

Lebih menarik, persembahan Tabuh Pendeta turut mengetengahkan penggunaan pelbagai bahasa termasuk bahasa Mandarin dan Tamil bagi memberi pemahaman kepada penonton bukan Islam.

Komitmen ahli

Tukang karut kumpulan Tabuh Pendeta, Mokhtarudin Ismail, berkata kemenangan itu sememangnya tidak dijangka memandangkan persembahan 14 kumpulan lain tidak kurang hebatnya.

"Kejayaan ini hasil komitmen dan kesungguhan setiap ahli dalam membe-

rikan persembahan terbaik. Kami bersyukur dan berharap mampu meraih kejayaan lebih besar pada masa depan," katanya.

Mokhtarudin berkata, Tabuh Pendeta yang dianggotai 20 ahli, adalah singkatan daripada perkataan Tarikan Budaya melalui pendekatan Ta'abbuddiyyah.

Kumpulan itu mula dikenali selepas berpeluang melakukan persembahan dalam pelbagai rancangan televisyen seperti *Rasul Yang Kata di TV9*, *Karoot Komedia X*, *Maharaja Lawak* dan *Malaysia Hari Ini*.

Pernah meraih gelaran juara Pertandingan Dikir Barat antara Institusi Pengajian Tinggi 2015, kumpulan itu juga berazam untuk terus mengembangkan dakwah Islam menerusi seni dikir barat.



Sebahagian daripada kumpulan yang bertanding pada Anugerah Seni USIM 2015.